



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
KELULUSAN TEKNIKAL
&
PEMANTAUAN PROJEK
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI (ICT) SEKTOR AWAM**

- Tadbir Urus Projek ICT
- Proses Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT
- Pemantauan Pelaksanaan Projek ICT

Fokus Siri Ini



Tadbir Urus Projek ICT
Penekanan terhadap struktur kawalan dalaman, peranan Jawatankuasa ICT DOSM, dan keperluan dokumentasi yang menyokong ketelusan serta akauntabiliti dalam pelaksanaan projek.



Proses Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT
Garis masa permohonan, dokumen sokongan yang diperlukan, serta saluran rasmi yang perlu digunakan oleh setiap bahagian sebelum memulakan projek ICT. Penilaian teknikal akan mengambil kira kesesuaian teknologi, impak keselamatan, dan keberkesanan kos.



Pemantauan Pelaksanaan Projek ICT
Kaedah pelaporan berkala, penilaian prestasi, dan audit teknikal yang akan dijalankan bagi memastikan projek berjalan mengikut jadual dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Sebagai peneraju statistik negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terus komited dalam memperkukuh tadbir urus ICT demi menyokong transformasi digital sektor awam. Siri pertama newsletter ini memperkenalkan garis panduan baharu yang bertujuan memperkemas proses permohonan kelulusan teknikal serta mempertingkatkan keberkesanan pemantauan pelaksanaan projek ICT.



KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL
Ara 6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok 6, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Selangor
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



Tel : 603-8872 3010
Laman Web : www.jdn.gov.my
E-mel : fuzidah@digital.gov.my
Ruj Kami: JDN.100-17/1(23)
Tarikh: 27 Mac 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

TATACARA PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 ROLLING PLAN 2 (RP2) TAHUN 2027

Izinkan saya dengan segala hormatnya menjemput perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Jabatan Digital Negara (JDN) telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Tatalaksana Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 pada 26 April 2024.

3. Selaras dengan itu, bagi membantu melicinkan pelaksanaan garis panduan tersebut, JDN telah mengeluarkan Tatalaksana Pelaksanaan Tatalaksana Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 Rolling Plan 1 (RP1) Tahun 2026 pada 12 Julai 2024.

4. Bagi meneruskan kesinambungan pengurusan dan perolehan projek ICT, Tatalaksana Pelaksanaan Tatalaksana Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 Rolling Plan 2 (RP2) Tahun 2027 ini dikeluarkan untuk rujukan Kementerian/agensi seperti di Lampiran A.

5. Kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk memanjangkan tatalaksana ini kepada semua agensi di bawah Kementerian masing-masing.

6. Perhatian pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK TS. DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR)

Sumber Rujukan : Surat Tatalaksana Pelaksanaan Tatalaksana Projek ICT RMKe-13 RP2 Jabatan Digital Negara (JDN) bertarikh 27 Mac 2025

TATACARA PELAKSANAAN

TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 ROLLING PLAN 2 (RP2) TAHUN 2027

SKOP DAN TARIKH KUATKUASA



PERANAN DAN TINDAKAN KEMENTERIAN/AGENSI



Sumber Rujukan : Slaid Tatalaksana RMKe-13 RP2 Jabatan Digital Negara (JDN)

Penilaian projek ICT sektor awam dimantapkan dengan memberi keutamaan kepada projek ICT yang memenuhi kriteria berikut:

- projek kritikal dan berpempang tinggi yang memberi kesan kepada rakyat seperti kesihatan awam, pendidikan rakyat, keselamatan negara dan kepentingan ekonomi negara;
- projek kesinambungan yang memerlukan penggantian peralatan dan perisian ICT yang telah usang (melebihi 10 tahun), End of Life (EOL) dan End of Support (EOS) yang tidak menguntungkan untuk dibaiki;
- projek yang menjurus ke arah Enterprise Architecture (EA) Kerajaan bagi mengelakkan pertindihan fungsi aplikasi (perkhidmatan digital), penyimpanan data dan penggunaan platform teknologi secara optimum;
- projek yang mengutamakan penggunaan perkhidmatan guna sama kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk jangka masa panjang (contoh MyGovUC, MyGovCloud@PDSA, MyGDX);
- projek bukan merupakan sistem sokongan fungsi generik agensi sektor awam yang telah dibangunkan dan digunakan oleh agensi sektor awam (contoh sistem kehadiran);
- projek perkhidmatan kajian dilaksanakan secara dalaman oleh agensi dengan kerjasama perundingan JDN dan kepakaran ICT sektor awam; dan
- Projek yang mengambil kira teknologi baharu dalam pembangunan perkhidmatan digital kerajaan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.



TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN



GARIS MASA PENYEDIAAN PERMOHONAN PENILAIAN TEKNIKAL RMKe-13 RP2


PERUNTUKAN MENGURUS



Sumber Rujukan : Slaid Tatakelola RMKe-13 RP2
Jabatan Digital Negara (JDN)



CARTA ALIR PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 RP2 TAHUN 2027



1. Kementerian/ Agensi membuat perancangan projek ICT dengan merujuk kepada Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian/ Agensi mengambil kira pelaksanaan perkhidmatan digital bersepadu WoG dan mematuhi kriteria projek

2. Kementerian/ Agensi membuat rujukan kepada Panduan Reka Bentuk Perkhidmatan dan Katalog Anggaran Harga serta melaksanakan kajian pasaran

3. Kementerian/ Agensi mengemukakan permohonan kelulusan teknikal projek ICT RMKe-13 RP2 Tahun 2027 yang lengkap melalui Sistem PROFIT dengan menggunakan templat permohonan JTISA.

4. Urus setia JPICT Kementerian/ Agensi menyemak permohonan dan memastikan templat adalah lengkap Penilaian teknikal di peringkat JPICT Kementerian/ Agensi dilaksanakan.

5. Urus setia JPICT menghantar permohonan ke JDN dan memaklumkan kepada Kementerian/ Agensi sekiranya mencapai had nilai JTISA

6. JDN membuat semakan dan mengadakan libat urus bersama Kementerian/ Agensi.

7. JTISA melaksanakan penilaian teknikal dan memaklumkan keputusan kepada Kementerian/ Agensi

8. JDN membuat konsolidasi kelulusan teknikal projek ICT diperingkat Ketua Agensi/ JPICT Kementerian/ Agensi dan mengemukakan kepada KE dan MOF.

9. Kementerian/Agensi membuat permohonan peruntukan melalui MyProjek (Peruntukan Pembangunan) kepada Kementerian Ekonomi dan Peruntukan Mengurus kepada MOF dan mengemukakan maklumat kelulusan teknikal.

10. Kementerian Ekonomi/MOF menjalankan sesi pemeriksaan peruntukan Keputusan peruntukan kepada Kementerian/Agensi dan disalinkan kepada JDN.


11. Projek ICT yang tidak mendapat kelulusan peruntukan sepenuhnya atau lulus sebahagian, angkat semula ke JPICT Kementerian dan dimaklumkan kepada JDN selaras SPA 7 2024 Para 2.6 (1).



PERBEZAAN TATACARA PERMOHONAN RMKe-13 RP1 2026 DAN RMKe-13 RP2 2027

BIL.	PERKARA	RMK13 RP1 (2026)	RMK13 RP2 (2027)
1.	Permohonan Kelulusan : Peringkat JPICT	Mei 2024 - Feb 2025	April 2025 – Jan 2026
2.	Permohonan Kelulusan : Peringkat JTISA	Mei – September 2024	April – September 2025
3.	Kriteria penilaian : JPICT dan JTISA	Rujuk Tatacara RMK 13 RP1	Tambahan kriteria yang dilulus MJM pada 28 Feb 2025
4.	Carta Alir	Rujuk No 2 : Rujukan kepada Panduan Reka Bentuk Perkhidmatan & Katalog Anggaran Harga	Rujuk No 2 : Penyelarasan Peringkat Sektor dan Rujukan kepada Panduan Reka Bentuk Perkhidmatan & Katalog Anggaran Harga

TATAKELOLA PENGURUSAN PELAKSANAAN ICT SEKTOR AWAM



**Sumber Rujukan : Slaid Sektor Jabatan Digital Negara (JDN)



INISIATIF TUMPUAN PENDIGITALAN BAGI RMKe-13 MENGIKUT SEKTOR

EKONOMI	1 Pengurusan Pembiayaan Perniagaan	2 Pengurusan Pengeluaran Lesen Perniagaan	3 Pengurusan Pemberian Geran Perniagaan
SOSIAL 1 (MASYARAKAT)	1 Pengurusan Bantuan Secara Bersepadu (Dana Peduli Rakyat)	2 Pelaksanaan Perkhidmatan Digital Bersepadu Hospital Pengajar Universiti Awam	3 Pengurusan Khazanah Warisan Negara
SOSIAL 2 (BAKAT)	1 Pengkalan Bakat	2 Pemadanan Pekerjaan	(Fokus pendigitalan ekosistem STEM & TVET Negara)
INFRASTRUKTUR	1 Pengangkutan Pintar (Pengurusan Infrastruktur, Pengurusan Trafik, Kemudahan Orang Awam)		
KESELAMATAN	1 Kesiapsiagaan Pengurusan Pra, Semasa dan Pasca Bencana	2 Meningkatkan Keselamatan Kawalan Sempadan Bersepadu	3 Memelihara Keselamatan dan Ketenteraman Awam
PENTADBIRAN AWAM	1 Pelaksanaan Pengurusan Perolehan Kerja Secara Digital	2 Pengurusan Keluarga Islam	3 Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Perundangan dan Insolvensi Individu dan Syarikat
21 Inisiatif	5 Penambahbaikan Pengurusan Pilihan Raya	6 Pengurusan Kuarters Kementerian, Jabatan Persekutuan & Badan Berkanun Secara Bersepadu	7 Pengurusan Pengambilan Penjawat Awam Bersepadu
			4 Menyediakan Capaian Mudah Keseluruhan Sejarah Perubatan Dan Rekod Kesihatan Individu (SIHAT360)
			4 Pendigitalan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan
			8 Pengurusan Dokumen Digital Tanpa Kertas

REGISTRI DAN REPOSITORI DATA MENGIKUT SEKTOR

	EKONOMI	SOSIAL 1 (MASYARAKAT)	SOSIAL 2 (BAKAT)	INFRASTRUKTUR	KESELAMATAN	PENTADBIRAN AWAM
21 REGISTRASI	1. Syarikat dan Koperasi 2. Permit dan Lesen 3. Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana 4. Usahawan 5. Peladang, Penternak, Nelayan	1. Kumpulan Rentan 2. Kesihatan Individu 3. Perkahwinan 4. Perlindungan Sosial	1. Pelajar 2. Pekerja 3. Pesara	1. Kenderaan 2. Perumahan 3. Tanah	1. Penduduk 2. Pertubuhan	1. Penjawat Awam 2. Aset Kerajaan 3. Perolehan Kerajaan 4. Agensi Sektor Awam
36 REPOSITORI	1. Kebankrapan & Penggulangan Syarikat 2. Aktiviti Ekonomi 3. Indikator Ekonomi 4. Bumiputera 5. Warisan 6. Harta Intelek	1. Kesihatan Awam 2. Pemakanan 3. Halal 4. Bahan Terbitan 5. Kebajikan Rakyat 6. Daftar Artifak 7. Media	1. Pendidikan 2. Maklumat Murid 3. Institusi Latihan 4. TVET 5. Profil Kemahiran 6. Tawaran Pekerjaan (awam/Swasta)	1. Spatial 2. Fasiliti (Jalan, Cerun, Bangunan) 3. Pengurusan Trafik 4. Pengangkutan Awam 5. Pelabuhan 6. Lapangan Terbang 7. Sumber Asli	1. Jenayah 2. Penyalahgunaan dadah 3. Kesalahan Trafik & Kenderaan 4. Kewarganegaraan 5. Bencana	1. Keluarga Islam 2. Pilihanraya 3. Parlimen 4. Dewan Undangan Negeri 5. Belanjawan Negara

Nota: Repositori berwarna biru belum diwujudkan secara bersepadu

Nota: 1. Registri adalah suatu daftar rasmi yang di peruntukan oleh Akta
2. Repositori adalah gudang data berhubung suatu domain/business case

**Sumber Rujukan :
Slaid Sektor
Jabatan Digital Negara (JDN)



SEKSYEN KOORDINASI ICT & KHIDMAT SOKONGAN
Bahagian Pengurusan Maklumat
Jabatan Perangkaan Malaysia
☎03 – 8885 7652 | ✉ Urusetia_JP ICT_JTICT@dosm.gov.my

